



14 Januari 2019
14 January 2019
P.U. (A) 12

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(PENETAPAN SEKURITI) (MATA WANG DIGITAL DAN
TOKEN DIGITAL) 2019

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES
(PRESCRIPTION OF SECURITIES) (DIGITAL CURRENCY
AND DIGITAL TOKEN) ORDER 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENETAPAN SEKURITI)
(MATA WANG DIGITAL DAN TOKEN DIGITAL) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2019.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“mata wang digital” ertinya representasi nilai secara digital yang direkodkan di atas suatu lejar digital teragih sama ada bersekuriti kriptografi atau selainnya, yang berfungsi sebagai suatu perantara pertukaran dan boleh ditukar dengan apa-apa wang, termasuk melalui pengkreditan atau pendebitan sesuatu akaun; dan

“token digital” ertinya suatu representasi digital yang direkodkan di atas suatu lejar digital teragih sama ada bersekuriti kriptografi atau selainnya.

Mata wang digital dan token digital ditetapkan sebagai sekuriti

3. (1) Mata wang digital yang—

(a) didagangkan di suatu tempat atau di atas suatu kemudahan di mana tawaran untuk menjual, membeli, atau menukar, mata wang digital lazimnya dibuat atau diterima;

- (b) seseorang mengharapkan suatu pulangan dalam apa-apa bentuk daripada dagangan, pertukaran atau penebusan mata wang digital itu atau peningkatan nilai mata wang digital itu; dan
- (c) tidak diterbitkan atau dijamin oleh mana-mana badan kerajaan atau bank pusat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

ditetapkan sebagai sekuriti bagi maksud undang-undang sekuriti.

(2) Token digital yang mewakili suatu hak atau kepentingan seseorang dalam apa-apa perkiraan yang dibuat bagi maksud, atau yang mempunyai kesan, untuk menyediakan kemudahan bagi orang itu, yang—

- (a) orang itu menerima token digital itu sebagai pertukaran bagi suatu balasan;
- (b) balasan atau sumbangan daripada orang itu, dan pendapatan atau pulangan, dikumpulkan;
- (c) pendapatan atau pulangan perkiraan itu dijana daripada pemerolehan, pemegangan, pengurusan atau pelupusan apa-apa harta atau aset atau aktiviti perniagaan;
- (d) orang itu mengharapkan suatu pulangan dalam apa-apa bentuk daripada dagangan, pertukaran atau penebusan token digital itu atau peningkatan nilai token digital itu;
- (e) orang itu tidak mempunyai kawalan hari ke hari ke atas pengurusan harta, aset atau perniagaan perkiraan itu; dan
- (f) digital token itu tidak diterbitkan atau dijamin oleh mana-mana badan kerajaan atau bank pusat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

ditetapkan sebagai sekuriti bagi maksud undang-undang sekuriti.

Pemakaian kehendak di bawah undang-undang sekuriti

4. Peruntukan undang-undang sekuriti hendaklah terpakai bagi mata wang digital dan token digital yang ditetapkan sebagai sekuriti di bawah Perintah ini kecuali Penggal 3 Bahagian VI Akta.

Mata wang digital dan token digital bukan syer, dsb.

5. Bagi maksud undang-undang sekuriti, suatu mata wang digital dan token digital yang ditetapkan sebagai sekuriti di bawah Perintah ini yang ditawarkan atau didagangkan di atas atau melalui pasaran diiktiraf bukanlah—

(a) suatu syer dalam atau debentur, sesuatu pertubuhan perbadanan atau pertubuhan yang tidak diperbadankan; atau

(b) suatu unit dalam suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan.

Dibuat 8 Januari 2019

[KK/SID/(S)/483/669/4 JLD. 2 (SK.12); GC(LR)1/2018(263)-1 DIGITAL ASSETS;
PN(PU2)662/XIV]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

CAPITAL MARKETS AND SERVICES ACT 2007

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (PRESCRIPTION OF SECURITIES)
(DIGITAL CURRENCY AND DIGITAL TOKEN) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by section 5 of the Capital Markets and Services Act 2007 [*Act 671*], the Minister, on the recommendation of the Commission, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Capital Markets and Services (Prescription of Securities) (Digital Currency and Digital Token) Order 2019**.

(2) This Order comes into operation on 15 January 2019.

Interpretation

2. In this Order—

“digital currency” means a digital representation of value which is recorded on a distributed digital ledger whether cryptographically-secured or otherwise, that functions as a medium of exchange and is interchangeable with any money, including through the crediting or debiting of an account; and

“digital token” means a digital representation which is recorded on a distributed digital ledger whether cryptographically-secured or otherwise.

Digital currency and digital token are prescribed to be securities

3. (1) A digital currency which—

(a) is traded in a place or on a facility where offers to sell, purchase, or exchange of, the digital currency are regularly made or accepted;

- (b)* a person expects a return in any form from the trading, conversion or redemption of the digital currency or the appreciation in the value of the digital currency; and
- (c)* is not issued or guaranteed by any government body or central banks as may be specified by the Commission,

is prescribed as securities for the purposes of the securities laws.

(2) A digital token which represents a right or interest of a person in any arrangement made for the purpose of, or having the effect of, providing facilities for the person, where—

- (a)* the person receives the digital token in exchange for a consideration;
- (b)* the consideration or contribution from the person, and the income or returns, are pooled;
- (c)* the income or returns of the arrangement are generated from the acquisition, holding, management or disposal of any property or assets or business activities;
- (d)* the person expects a return in any form from the trading, conversion or redemption of the digital token or the appreciation in the value of the digital token;
- (e)* the person does not have day-to-day control over the management of the property, assets or business of the arrangement; and
- (f)* the digital token is not issued or guaranteed by any government body or central banks as may be specified by the Commission,

is prescribed as securities for the purposes of the securities laws.

Application of requirements under securities laws

4. The provisions of securities laws shall apply to a digital currency and digital token that are prescribed as securities under this Order except for Division 3 of Part VI of the Act.

Digital currency and digital token are not share, etc.

5. For the purpose of securities laws, a digital currency and digital token that are prescribed as securities under this Order that is offered or traded on or through a recognized market is not—

(a) a share in or debenture of, a body corporate or an unincorporated body; or

(b) a unit in a unit trust scheme or prescribed investments scheme.

Made 8 January 2019

[KK/SID/(S)/483/669/4 JLD. 2 (SK.12); GC(LR)1/2018(263)-1 DIGITAL ASSETS;
PN(PU2)662/XIV]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance